



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS/PPI-DPJ1

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 088-320 000 samb: 203600, Faks : 088-329221

Emel : ric@ums.edu.my

**BORANG DPJ1
PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL
DALAM JURNAL**

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon			
Fakulti/Pusat/Institut/Unit			
No. Kad Pekerja	No. Telefon (pej.)	No. HP	

B. MAKLUMAT PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL

Tajuk Artikel	
Nama Penerbit	
Nama Jurnal	
Peringkat Penerbitan	Kebangsaan () / Antarabangsa ()
Volume/Isu	
Indeks Pengkalan Data	WOS () / ERA () / Scopus ()
Faktor Impak	
Quartile	
Jumlah Pembayaran Jurnal (RM)	
Cara Pembayaran	1) Telah dibayar oleh pemohon () 2) Bayar kepada Penerbit ()
Kod Projek Penyelidikan yang Menghasilkan penerbitan ini (jika berkaitan)	

C. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengakui semua maklumat yang diberikan adalah benar.

(Tandatangan Pemohon)

Tarikh:

D. PERAKUAN PENGARAH/DEKAN/KETUA DI FAKULTI/PUSAT/INSTITUT/UNIT

Saya menyokong/tidak menyokong permohonan ini untuk diluluskan.

(Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan)

Tarikh:

E. KELULUSAN PENGARAH, PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Berdasarkan semakan, saya:

Bersetuju untuk meluluskan permohonan ini dengan bantuan kewangan sebanyak RM _____

Tidak meluluskan permohonan ini kerana :

(Tandatangan dan cop Pengarah, PPPI)

Tarikh :

GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.1 PENDAHULUAN

Garis panduan Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel dalam Jurnal ini diwujudkan sebagai panduan kepada kakitangan akademik/penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam mengemukakan permohonan peruntukan untuk menerbitkan artikel di dalam jurnal berindeks di pangkalan data WOS/Scopus/ERA.

1.2 DEFINISI

Garis panduan ini akan menggunakan terminologi seperti berikut:

- 1.2.1 **Afiliasi**
Bermaksud alamat institusi pemohon yang tertera pada bahan penerbitan.
- 1.2.2 **Faktor Impak**
Bermaksud nisbah jumlah petikan yang diterima dengan bilangan makalah dalam sesebuah jurnal bagi 1 tahun ke belakang yang dilaporkan dalam *Journal Citation Report (JCR)* terbitan Clarivate Analytics.
- 1.2.3 **Pengarang Penghubung (*Corresponding Author*)**
Bermaksud penulis yang bertanggungjawab dalam menyemak kualiti artikel yang akan diterbitkan dan akan menjadi penghubung kepada pembaca artikel.

1.3 TUJUAN

Bantuan pembiayaan yuran penerbitan artikel dalam jurnal ini diwujudkan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- a. Untuk meningkatkan jumlah penerbitan artikel dalam jurnal penyelidikan.
- b. Untuk membudayakan amalan penerbitan.

1.4 SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

- 1.4.1 Merupakan kakitangan akademik UMS (bertaraf tetap dan kontrak sahaja) yang menjalankan penyelidikan di UMS semasa artikel tersebut diterbitkan.
- 1.4.2 Afiliasi pemohon wajib menggunakan alamat Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- 1.4.3 Pemohon mestilah merupakan *Corresponding Author* atau **First Author** penerbitan artikel tersebut.
- 1.4.4 Bagi pemohon yang mempunyai geran penyelidikan yang masih aktif semasa penerbitan, digalakkan untuk menggunakan peruntukan geran.
- 1.4.5 Manuskrip yang diterbitkan telah diterima untuk penerbitan oleh penerbit jurnal.
- 1.4.6 Penerbitan berindeks dan berfaktor impak berdasarkan *Journal Citation Reports (JCR)* tahun sebelumnya. Sebagai contoh untuk penerbitan jurnal pada tahun 2019, JCR 2018 akan dirujuk.
- 1.4.7 Untuk penerbitan jurnal tanpa faktor impak, ia mestilah terindeks dalam pangkalan data WOS/ Scopus/ ERA.
- 1.4.8 Kos seperti percetakan semula, yuran penyuntingan atau yuran terjemahan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.4.9 Penerbitan journal melalui "*open access*" tidak layak mendapat bayaran insentif penerbitan.

1.5 PEMBIAYAAN

- 1.5.1 Kadar maksimum pembiayaan bayaran yuran penerbitan bagi setiap artikel adalah seperti berikut:

Jenis Penerbitan	Terindex	Kadar maksima
	Q1/Q2	RM10,000.00
Q3/Q4	RM5,000.00	
WOS/Scopus/ERA (tanpa faktor impak)	RM1000.00	

- 1.5.2 Kelulusan kadar Maksima adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atau pengarah PPPI berdasarkan kepada kewangan yang diperuntukkan oleh pihak Pengurusan Universiti bagi tahun semasa.
- 1.5.3 Jumlah penerbitan adalah tidak terhad. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kelulusan Pengarah, PPPI dan baki peruntukan yang masih ada pada tahun berkenaan.
- 1.5.4 Pembayaran yang telah dibuat menggunakan geran atau mana-mana sumber bantuan lain tidak akan dilayan.
- 1.5.5 Setiap artikel layak diberi bantuan yuran penerbitan sekali sahaja.

1.6 PROSEDUR PERMOHONAN

1.6.1 PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL

- 1.6.1.1 Permohonan pembiayaan yuran penerbitan artikel dalam jurnal boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Permohonan Pembiayaan Penerbitan Artikel Dalam Jurnal (Borang UMS/PPI-DPJ1).
- 1.6.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dilampirkan dengan dokumen sokongan seperti berikut:
 - a. Salinan surat atau e-mel penerimaan artikel untuk diterbitkan daripada penerbit jurnal.
 - b. Inbois bayaran yuran penerbitan dari penerbit jurnal.
 - c. Bukti/resit pembayaran.
 - d. Bukti jurnal berindeks WOS (berserta Kuartil dan faktor impak)/Scopus/ERA.
 - e. Satu salinan muka depan manuskrip jurnal.
- 1.6.1.3 Permohonan yang lengkap hendaklah disokong dan diperakukan oleh Pengarah/Dekan/Ketua di Fakulti/Institut/Unit sebelum dimajukan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) untuk kelulusan.
- 1.6.1.4 Hanya penerbitan jurnal yang didaftarkan menggunakan email rasmi UMS sahaja yang akan dibiayai.

Panduan menentukan Ranking Jurnal yang disenaraikan dalam scopus.com

Sensors
Open Access ⓘ
Scopus coverage years: from 2001 to Present
Publisher: Multidisciplinary Digital Publishing Institute (MDPI)
ISSN: 1424-3210 E-ISSN: 1424-8220
Subject area: [Physics and Astronomy: Instrumentation](#) [Engineering: Electrical and Electronic Engineering](#)
[Physics and Astronomy: Atomic and Molecular Physics, and Optics](#) [Chemistry: Analytical Chemistry](#) [View all](#) ✓

[View all documents](#) [Set document alert](#) [Save to source list](#)

CiteScore **CiteScore rank & trend** **CiteScore presets** **Scopus content coverage**

CiteScore 2018 Calculated using data from 30 April, 2019

3.72 = $\frac{\text{Citation Count 2018}}{\text{Documents 2015 - 2017*}}$ = $\frac{25,391 \text{ Citations}}{6,829 \text{ Documents}}$

*CiteScore includes all available document types [View CiteScore methodology](#) [CiteScore FAQ](#)

CiteScore rank ⓘ

Category	Rank	Percentile
Physics and Astronomy Instrumentation	#9/122	93rd
Engineering Electrical and Electronic Engineering	#102/658	84th

CiteScoreTracker 2019 ⓘ Last updated on 09 April, 2020 Updated monthly

Sila rujuk Nilai Rank: #9/122

Quartile = $9/122 * 100\% = 7.377\%$

7.377 berada pada Quartile 1, maka Jurnal ini berada dalam Q1.

Q1: Top 25%

Q2: Top 50%

Q3: Top 75%

Q4: Top 100%

Amaan Pembiayaan:

Q1 dan Q2, maksimum RM10,000.00

Q3 dan Q4, maksimum RM5,000.00

Jurnal yang tersenarai dalam WOS, Scopus atau ERA tapi belum ada nilai Rank, maksimum RM1,000.00